

Headline	Zakat Tabung Haji meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,710
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,130



Zakat Tabung Haji meningkat

MELAKA 27 Mac - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) mencatatkan peningkatan pembayaran zakat iaitu berjumlah RM59.3 juta tahun lalu berbanding RM57 juta pada tahun sebelumnya.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah berkata, peningkatan itu dilihat positif sejajar dengan kedudukan kewangan Tabung Haji yang kukuh dan baik biarpun berhadapan ketidak-tentuan ekonomi pada tahun lalu.

Menurutnya, Tabung Haji juga merupakan antara institusi penyumbang tertinggi zakat perniagaan di negara ini dan melalui program-program tanggungjawab korporatnya, zakat turut diagihkan secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara.

“Sebagai sebuah institusi Islam unggul di negara ini dalam meles-tarikan ekonomi dan kemaslah-

tan ummah khususnya golongan asnaf, Tabung Haji prihatin dan bertanggungjawab dalam memastikan pembayaran zakat perniagaan dilaksanakan.

“Ini sebagai memenuhi syariat Islam di samping memastikan para pendeposit adalah bersih,” katanya dalam satu kenyataan sem-

pena Majlis Penyerahan Cek Zakat Perniagaan di sini hari ini.

Pada majlis itu, Johan menyerahkan cek zakat perniagaan Tabung Haji kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob.

Majlis turut dihadiri Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron.

Tabung Haji menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM1.552 juta bagi tahun kewangan 2015, meningkat sebanyak 4.35 peratus berbanding RM1.487 juta pada tahun lalu di negeri ini.



JOHAN ABDULLAH (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek bayaran zakat perniagaan kepada Mohd. Khalil Yaakob sambil diperhatikan Idris Haron (kiri) dalam Majlis Penyerahan Zakat Agensi Korporat di Pejabat Yang Dipertua Negeri, Melaka, semalam. - UTUSAN/NURSURYA ZULKIFLI